

**SULIT**

**3767/2**

**EKONOMI  
KERTAS 2**

**2 JAM 15 MINIT**

**NAMA: .....**

**TINGKATAN: .....**



**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA (MPSM)  
NEGERI PERAK**

---

**MODUL KECEMERLANGAN SPM 2023  
SET 1**

---

**EKONOMI  
KERTAS 2  
2 JAM 15 MINIT**

---

**JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAANINI SEHINGGA DIBERITAHU**

**ARAHAN:**

- 1. Kertas peperiksaan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.*
- 2. Jawab semua soalan dalam Bahagian A, dan dua soalan daripada Bahagian B.*
- 3. Tuliskan jawapan bagi Bahagian A dan Bahagian B pada ruangan jawapan yang telah disediakan selepas soalan.*
- 4. Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraian soalan ditunjukkan dalam kurungan.*
- 5. Serahkan semula buku soalan kepada pengawas selepas tamat peperiksaan.*

<i>Untuk Kegunaan Pemeriksa</i>			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1	20	
	2	20	
	3	20	
B	4	20	
	5	20	
	6	20	
	7	20	
	<b>Jumlah</b>	<b>100</b>	

---

Kertas ini mengandungi 21 halaman bercetak.

[Lihat halaman sebelah  
**SULIT**

**3767/2**

**BAHAGIAN A****[60 markah]***Jawab semua soalan di bahagian ini.*

- 1 (a) Maklumat berikut berkaitan dengan satu masalah ekonomi.

Syarikat Firus Sdn. Bhd. berhasrat mengeluarkan keluaran terbaharu dengan peruntukan sebanyak RM10 juta.

- |                               |              |
|-------------------------------|--------------|
| • Mesin melipat pakaian       | - RM10 juta  |
| • Mesin basuh pinggan mangkuk | - RM9.8 juta |

Jelaskan konsep kekurangan, pilihan dan kos lepas yang dihadapi oleh unit ekonomi tersebut.

.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....

**[4 markah]**

- (b) Maklumat di bawah berkaitan dengan satu keadaan di sebuah negara.

Kerajaan menyediakan rumah mampu milik kepada rakyat terutama golongan B40.

- (i) Jelaskan sistem ekonomi tersebut.

.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....


[3 markah]

- (ii) Mengapakah kerajaan campur tangan dalam sistem ekonomi di (b)(i)?

.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[3 markah]

(c) Rajah 1 menunjukkan keluk permintaan dan keluk penawaran pasaran sesuatu barang.




Rajah 1

Jelaskan keadaan pasaran pada harga RM80.

.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[4 markah]

(d) Rajah 2 menunjukkan keluk permintaan bagi dua jenis barang.



## Rajah 2

Jelaskan keputusan yang harus diambil oleh firma untuk meningkatkan jumlah hasil bagi kedua-dua barang tersebut.

[6 markah]

[Lihat halaman sebelah  
SULIT]

- 2 (a) Maklumat di bawah berkaitan dengan Encik Aqel.

Encik Aqel seorang pekerja di Syarikat AQ Berhad. Beliau mempunyai simpanan sebanyak RM50 000 dalam akaun simpanan tetap di Alienze Bank. Di samping itu, beliau juga menyimpan wang sebanyak RM500 sebulan dalam akaun simpanan di bank yang sama.

Bandingkan kedua-dua jenis akaun tersebut.

[5 markah]

- (b) Maklumat berikut berkaitan dengan pendapatan individu.

Sebahagian besar individu di Malaysia memperoleh pendapatan dalam bentuk upah melalui kerjaya yang diceburi.

Jelaskan jenis pendapatan tersebut.

- (c) Maklumat di bawah berkaitan dengan kos pengeluaran pen Syarikat Leely pada bulan Jun 2023.

Jumlah pengeluaran	50 000 unit
Harga	RM5 seunit
Kos seunit	RM3
Kos tetap	RM10 000

- (i) Bezakan kos yang wujud dalam pengeluaran pen tersebut.

[6 markah]

- (ii) Berdasarkan maklumat yang diberi, hitungkan jumlah keuntungan Syarikat Leely pada bulan Jun.

[2 markah]

- (d) “Kelancaran operasi firma dipengaruhi oleh perkembangan produktiviti buruh”  
Jelaskan.

.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....

**[4 markah]**

- 3 (a) Maklumat berikut berkaitan peranan kerajaan dalam mengawal selia firma.

Kementerian Kesihatan (KKM) merampas 531 ubat-ubatan, produk kesihatan dan kosmetik tidak berdaftar dianggarkan bernilai RM152,213 menerusi Ops Majestic yang dijalankan di sekitar ibu negara. Produk tidak berdaftar dengan KKM yang dirampas itu termasuk ubat-ubatan disyaki mengandungi racun disenaraikan dalam Jadual Pertama Akta Racun 1952.

Dipetik dan diubah suai daripada *hmetro.com.my*, 9 Mac 2022

Jelaskan langkah yang boleh diambil oleh kerajaan untuk melindungi pengguna daripada situasi di atas.

.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[4 markah]

- (b) Maklumat berikut berkaitan dengan dua jenis cukai yang dikenakan kepada masyarakat.

**Cukai pendapatan individu**

**Cukai barang dan perkhidmatan**

Cukai manakah yang lebih membebankan golongan berpendapatan rendah?  
Jelaskan.

.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[4 markah]

- (c) Jelaskan kepentingan sektor pelancongan dalam mempengaruhi proses globalisasi sesebuah negara.

.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....

**[4 markah]**

- (d) Maklumat di bawah menunjukkan kadar pertukaran antara Dolar Australia (AUD) berbanding dengan Ringgit Malaysia (RM) bagi tempoh dua tahun.

<b>Kadar Pertukaran</b>	<b>Okt 2021</b>	<b>Okt 2022</b>
RM bagi seunit AUD	3.80	3.07

Dipetik daripada [www.anm.gov.my](http://www.anm.gov.my)

- (i) Bagaimanakah kadar pertukaran pada bulan Oktober 2021 ditentukan dalam pasaran pertukaran asing?

.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....

**[4 markah]**

- (ii) Jelaskan kesan terhadap eksport dan import Malaysia apabila kadar pertukaran berubah pada tahun 2022.

.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....

**[4 markah]**

Selamat mengulangkaji dari telegram@soalanpercubaanspm  
Ekonomi K2 Trial Perak 2023

**Lihat halaman sebelah**  
**SULIT**

**Bahagian B****[40 markah]***Jawab mana-mana dua soalan daripada bahagian ini.*

- 4 Maklumat berikut berkaitan dengan satu bentuk urus niaga dalam ekonomi.

Pemilik bisnes kini perlu bersikap lebih proaktif dalam membuat transformasi digital untuk menyesuaikan perniagaan mereka dengan situasi Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Walau bagaimanapun, masih ramai yang tidak tahu bagaimana untuk memulakan langkah pemasaran digital secara atas talian yang bersesuaian dengan produk masing-masing.

Dipetik dan diubah suai daripada *bharian.com.my*, 29 Mei 2020

- (a) Jelaskan faktor pengeluaran yang terlibat dengan urus niaga tersebut. [4 markah]
- (b) Mengapakah kemudahan perniagaan tersebut semakin berkembang di Malaysia? [7 markah]
- (c) Kaedah perniagaan ini dapat membantu meningkatkan ekonomi negara.  
Bincangkan. [9 markah]

5 Maklumat berikut berkenaan masalah berkaitan minyak masak.



PUTRAJAYA - Selepas subsidi ayam dan telur ayam diumumkan akan berakhir hujung bulan ini, kerajaan turut memansuhkan harga siling minyak masak tulen bagi pek kemasan botol dua, tiga dan lima kilogram (kg) bermula 1 Julai.

Bagaimanapun, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) berkata, harga siling minyak masak tulen bagi pek polibeg 1kg kekal pada harga RM2.50.

“Kerajaan rasa sudah tiba ia dimasuhkan dan digantikan dengan bantuan wang tunai secara bersasar yang akan diperincikan oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)”, katanya.

Dipetik dan diubah suai daripada *sinarharian.com.my*, 21 Jun 2022

- (a) Jelaskan komponen perbelanjaan kerajaan yang terlibat dalam petikan di atas. [5 markah]
- (b) Jelaskan tindakan pengguna bagi menangani situasi di atas. [6 markah]
- (c) Situasi di atas memberi kesan kepada negara. Bincangkan. [9 markah]

[Lihat halaman sebelah  
**SULIT**

**6** Maklumat berikut berkaitan dengan pengangguran dalam kalangan graduan.

Laporan Kajian Pengesanan Graduan pada 2019 dikeluarkan KPT melaporkan 10.4 peratus daripada 14,118 graduan belum bekerja hingga 2020, iaitu membabitkan 1,468 graduan universiti awam (UA), institut pengajian tinggi swasta (295) dan IPT lain-lain (seorang). Data ini membimbangkan kerana ia belum berubah seperti tahun sebelumnya yang mencatat kadar pengangguran pada paras peratusan hampir sama, iaitu 10.8 peratus.

Masalah pengangguran graduan berpanjangan akan memberi impak negatif kepada kemajuan dan pembangunan negara dalam usaha mencapai hasrat serta aspirasi Wawasan Kemakmuran Bersama 2030.

Dipetik dan diubah suai daripada [bharian.com.my](http://bharian.com.my), 25 September 2021

- (a) Berdasarkan petikan di atas, jelaskan jenis pengangguran yang terlibat. [4 markah]
- (b) Terangkan kesan pengangguran terhadap ekonomi negara. [7 markah]
- (c) Pada pendapat anda, bagaimakah kerajaan mengatasi masalah pengangguran? [9 markah]

7 Maklumat berikut berkaitan dengan pembentangan Belanjawan 2023.

**M40 kini boleh menarik nafas lega, cukai pendapatan dikurangkan**

Kumpulan pertengahan M40 yang sebelum ini menunjukkan kesabaran walaupun terhimpit dengan kenaikan kos sara hidup turut mendapat manfaat menerusi Belanjawan 2023 Malaysia Madani.

Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan, kerajaan bersetuju menambah pendapatan boleh guna M40 melalui pengurangan kadar cukai pendapatan individu yang memberi lebih manfaat kepada golongan ini.

Dipetik dan diubah suai daripada *MStar Online*, 24 Februari 2023

- (a) Huraikan jenis cukai yang terdapat dalam petikan. [4 markah]
- (b) Jelaskan kesan pelaksanaan dasar kerajaan tersebut terhadap permintaan barang dan perkhidmatan. [7 markah]
- (c) Setujukah anda, pengurangan kadar cukai pendapatan akan memberi kesan positif terhadap ekonomi negara? [9 markah]

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**

**Lihat halaman sebelah**